

DRAF



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

## KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# BAHASA MALAYSIA SEKOLAH KEBANGSAAN

## TAHAP 1

2012



DOKUMEN STANDARD  
**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH  
(KSSR)**

*MODUL TERAS ASAS*  
**BAHASA MALAYSIA  
SEKOLAH KEBANGSAAN**

**TAHAP 1**



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM**

Cetakan Pertama 2012

© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

| <b>KANDUNGAN</b>  | <b>Muka Surat</b> |
|---|-------------------|
| <b>RUKUN NEGARA</b>   | v                 |
| <b>FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN</b>   | vi                |
| <b>KATA PENGANTAR</b>   |                   |
| <b>PENDAHULUAN</b>  | 1                 |
| <b>TUNJANG KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH</b>                              | 2                 |
| <b>MATLAMAT</b>   | 3                 |
| <b>OBJEKTIF</b>   | 3                 |
| <b>FOKUS</b>  | 4                 |
| <b>ORGANISASI KANDUNGAN KURIKULUM</b>   | 4                 |
| Standard Kurikulum  | 4                 |
| Kemahiran Bahasa  | 4                 |
| Pendekatan Modular  | 5                 |
| Sistem Bahasa   | 6                 |
| Pengisian Kurikulum   | 8                 |
| Strategi Pengajaran dan Pembelajaran  | 10                |
| Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur | 16                |
| Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Membaca                | 23                |
| Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Menulis                | 29                |
| Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Aspek Seni Bahasa                | 36                |
| Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Aspek Tatabahasa                 | 39                |
| Glosari   | 44                |





## RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

# Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## PENDAHULUAN

Dunia pendidikan mengalami perkembangan yang sangat dinamik dalam arus globalisasi. Perkembangan ini juga menuntut perubahan dalam kurikulum. Seiringan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil inisiatif menyemak dan melakukan penambahbaikan dalam kurikulum.

Selaras dengan perubahan tersebut, Kurikulum Bahasa Malaysia turut melalui proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalannya hingga terhasil Standard Kurikulum Bahasa Malaysia. Standard yang diketengahkan ini mengandungi Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Standard Kurikulum ini merupakan pernyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai murni yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid di sekolah kebangsaan.

Penggubalan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia berpaksikan Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Standard ini menjunjung peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara, bahasa ilmu dan bahasa pengantar di sekolah. Standard ini turut menitikberatkan penggabungjalinan kemahiran bahasa, penyerapan ilmu dan nilai murni. Standard Kurikulum Bahasa Malaysia boleh dijadikan pemangkin untuk memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya penuturnya ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa dan tanah air yang dikongsi bersama dalam satu wawasan demi memartabatkan bahasa Melayu.

Pada asasnya, pembinaan kerangka standard ini berdasarkan prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Standard ini mengetengahkan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran secara didik hibur bagi mencungkil potensi murid untuk meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Seterusnya, membolehkan murid memperkembangkan keupayaan dan penguasaan kemahiran bahasa, serta berkomunikasi

menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dan bertatasusila dalam semua urusan.

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan mengambil kira pendekatan pengajaran Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertama. Kepelbagaiannya pengajaran dan pembelajaran, minat dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan murid turut diberi penekanan. Selain itu, aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah turut dijadikan landasan bagi membina keyakinan diri, mengetengahkan bakat, memupuk sifat kepemimpinan, dan ketokohan murid dalam pelbagai bidang. Aktiviti kokurikulum juga berupaya memantapkan penguasaan berbahasa murid serta menyokong pelaksanaan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia.

## TUNJANG KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia dibina berdasarkan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Literasi Sains dan Teknologi; Fizikal dan Estetika; dan Keterampilan Diri. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepadan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang seimbang, berpengetahuan dan berketerampilan seperti yang terdapat dalam Rajah 1.



Rajah 1: Standard Kurikulum Berasaskan Enam Tunjang

## 1.0 MATLAMAT

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

## 2.0 OBJEKTIF

Murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah berkeupayaan untuk:

- i. mendengar, mengecam, mengajuk dan menentukan arah bunyi persekitaran dengan teliti dan betul;
- ii. mendengar, memahami, dan menyebut bunyi bahasa iaitu abjad, perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- iii. mendengar, memahami dan memberikan respons berdasarkan arahan, pesanan dan pertanyaan dengan betul;
- iv. bertutur dan berbual serta menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara dalam situasi formal dan tidak formal dengan betul secara bertatussila;
- v. bercerita sesuatu perkara dan menceritakan semula perkara yang didengar, dibaca dan ditonton menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- vi. berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat secara bertatussila;
- vii. berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatussila;
- viii. membaca pelbagai perkataan, frasa dan ayat secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul;
- ix. membaca, memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- x. membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberi respons dengan betul;
- xi. membaca dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan;
- xii. membaca pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan maklumat untuk memupuk minat membaca;
- xiii. melakukan aktiviti pramenulis dengan betul;
- xiv. menulis secara mekanis dengan betul dan kemas;
- xv. membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- xvi. menulis imlak dengan tepat;
- xvii. mencatat dan menulis untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang santun;
- xviii. menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul;
- xix. mengedit dan memurnikan hasil penulisan;
- xx. menulis ulasan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber;
- xi. menggunakan sistem
- xxii. bahasa yang betul dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan; dan
- xxiii. menghayati dan mengamalkan nilai murni, bersikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

### 3.0 FOKUS

Pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa. Pada Tahap 1, murid-murid perlu menguasai asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Ini bermakna konsep kembali kepada asas (*back to basic*) diberi penekanan yang khusus. Penekanan juga diberikan kepada pembelajaran yang menyeronokkan yang berkonseptkan aktiviti didik hibur. Pada Tahap II pula, penekanan diberikan kepada pengukuhan dan aplikasi kemahiran bahasa. Melalui penguasaan kemahiran bahasa ini, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, manakala melalui kemahiran membaca, murid dapat meningkatkan kosa kata di samping memupuk minat membaca. Penguasaan tatabahasa yang baik dapat membantu murid menghasilkan penulisan yang kreatif dan berkualiti. Aktiviti didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan pelbagai pendekatan dan teknik seperti nyanyian dan permainan serta penggunaan pelbagai bahan yang menarik dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran.

### 4.0 ORGANISASI KANDUNGAN KURIKULUM

#### 4.1 Standard Kurikulum

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah digubal dengan memberikan penekanan pada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran ini berpaksikan Kemahiran Bahasa dan Sistem Bahasa yang disokong

oleh elemen Pengisian Kurikulum.

Standard ini digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Standard ini dipersentuhkan dalam bentuk modular yang dibahagikan kepada bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran, nilai murni, kreativiti dan inovasi yang perlu dikuasai oleh murid.

#### Standard Kandungan

Pernyataan tentang bidang ilmu yang patut diketahui dan dapat dilakukan oleh murid dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

#### Standard Pembelajaran

Pernyataan tentang penetapan kriteria untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pencapaian murid bagi setiap standard kandungan.

#### 4.2 Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Malaysia dan pendekatan modular. Kemahiran bahasa meliputi kemahiran seperti berikut:

- Kemahiran Mendengar
- Kemahiran Bertutur
- Kemahiran Membaca
- Kemahiran Menulis

## 4.3 Pendekatan Modular

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia distrukturkan dengan menggunakan pendekatan modular untuk memastikan penguasaan kecekapan berbahasa yang baik. Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil yang dikenali sebagai modul. Dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia terdapat lima modul iaitu Modul Mendengar dan Bertutur, Modul Membaca, Modul Menulis, Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa. Tiga modul yang pertama berdasarkan empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa menyokong modul-modul tersebut untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa murid.

### 4.3.1 Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur memberi penekanan pada kemahiran mendengar dan bertutur. Kemahiran mendengar merujuk pada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan respons. Kemahiran bertutur pula merujuk keupayaan murid berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan dan bertatasusila. Penggunaan tatabahasa yang betul diberikan penekanan dalam kemahiran bertutur.

### 4.3.2 Modul Kemahiran Membaca

Modul Kemahiran Membaca memberikan tumpuan pada kemahiran membaca di samping penggabungjalinan kemahiran bahasa yang lain. Kemahiran membaca merujuk keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik-teknik membaca. Di samping itu, melalui modul kemahiran membaca murid juga berupaya menghayati teks yang dibaca.

### 4.3.3 Modul Kemahiran Menulis

Modul Kemahiran Menulis pula berfokuskan kemahiran menulis. Kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.

#### **4.3.4 Modul Seni Bahasa**

Modul Seni Bahasa merujuk aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan aspek seni bahasa merangkumi kecekapan memahami, mengungkap dan menghayati bahasa yang indah. Melalui pembelajaran modul ini, murid menghasilkan dan mempersempahkan karya kreatif pelbagai genre secara lisan dan bertulis melalui variasi teknik yang menarik. Aspek seni bahasa juga menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur.

#### **4.3.5 Modul Tatabahasa**

Modul Tatabahasa merujuk aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Aspek ini perlu diajarkan melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang sesuai dan berkesan supaya murid memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam pelbagai konteks secara lisan dan bertulis.

### **4.4 Sistem Bahasa**

Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku. Penerangan bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah.

#### **4.4.1 Tatabahasa**

Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

##### **1.1 Morfologi**

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Golongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota yang lain dalam golongan yang sama.

- a. Struktur kata merujuk pola suku kata bagi:
  - i. kata asli bahasa Melayu
  - ii. kata pinjaman bahasa Melayu
- b. Bentuk kata terdiri daripada:
  - i. kata tunggal
  - ii. kata terbitan
  - iii. kata ganda
  - iv. kata majmuk
- c. Proses pembentukan kata meliputi:
  - i. pengimbuhan
  - ii. penggandaan
  - iii. pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata ini, yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari segi bentuk dan makna termasuk aspek baharu dalam proses pengimbuhan.

d. Golongan kata terdiri daripada:

- i. kata nama
- ii. kata kerja
- iii. kata adjektif
- iv. kata tugas

#### 1.2 Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Hal ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- a. Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, kluasa dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.
- b. Jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
- c. Ragam ayat iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
- d. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang.
- e. Binaan ayat:
  - i. ayat dasar
  - ii. ayat tunggal
  - iii. ayat terbitan atau ayat majmuk

f. Proses ayat terbitan:

- i. proses penggantian
- ii. proses pengguguran
- iii. proses penyusunan semula
- iv. proses peluasan

#### 4.4.2 Tanda Baca

Tanda baca penting dikuasai dalam komunikasi tulisan untuk memastikan keselarasan dan juga makna yang tepat. Misalnya, koma dan tanda noktah mewakili hentian dalam pertuturan. Penggunaan tanda baca yang betul dapat mewakili intonasi dalam bacaan dan penulisan.

#### 4.4.3 Sistem Ejaan

Perkara yang diberikan penekanan ialah:

- i. Pola keselarasan huruf vokal
- ii. Ejaan kata pinjaman
- iii. Ejaan kata dasar dan kata terbitan

#### 4.4.4 Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang ditekankan ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat.

a. Sebutan

Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah

hendaklah menggunakan sebutan bahasa Melayu baku.

b. Intonasi

Intonasi ayat bahasa Melayu yang betul hendaklah diajarkan mengikut pola yang berikut:

- i. ayat penyata
- ii. ayat tanya
- iii. ayat perintah
- iv. ayat seruan
- v. ayat terbalik atau songsang
- vi. ayat aktif
- vii. ayat pasif

#### 4.4.6 Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu ditingkatkan dan dikembangkan agar murid dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata-mata pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah.

#### 4.4.7 Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat perlu diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

**Nota:**

Buku *Tatabahasa Dewan Edisi Terkini* ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.

## 5.0 Pengisian Kurikulum

Pengisian kurikulum mengambil kira elemen merentas kurikulum iaitu unsur-unsur yang diserap dalam setiap mata pelajaran. Elemen Merentas Kurikulum ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Penerapan elemen ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Pengisian kurikulum tersebut merangkumi perkara-perkara yang berikut:

### 5.1 Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu dalam bidang sains, dan geografi dapat digunakan untuk memperkembangkan ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Ilmu lain yang berkaitan dengan hal-hal semasa juga boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

### 5.2 Nilai Murni

Penyerapan nilai murni dalam Kurikulum Bahasa Malaysia bertujuan melahirkan insan yang berketerampilan dan memiliki akhlak yang mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan murni dapat membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berkeperibadian luhur. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni dalam masyarakat Malaysia harus dipupuk secara langsung atau tidak langsung selaras dengan nilai-nilai sejagat. Antara nilai murni ialah:

- Baik hati
- Berdikari

- Hemah tinggi
- Hormat-menghormati
- Kasih sayang
- Keadilan
- Kebebasan
- Keberanian
- Kebersihan fizikal dan mental
- Kejujuran
- Kerajinan
- Kerjasama
- Kesederhanaan
- Kesyukuran
- Rasional
- Semangat bermasyarakat

### **5.3 Patriotisme dan Kewarganegaraan**

Elemen patriotisme dan kewarganegaraan dalam pendidikan Bahasa Malaysia mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan negara, serta berbangga sebagai rakyat Malaysia. Semangat patriotisme dan kewarganegaraan dipupuk melalui mata pelajaran dan aktiviti kurikulum bertujuan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri, cinta akan bahasa dan bangsa, serta meningkatkan komitmen individu terhadap negara.

### **5.4 Peraturan Sosiobudaya**

Peraturan sosiobudaya dalam Kurikulum Bahasa Malaysia merangkumi kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Peraturan

sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

### **5.5 Sains dan Teknologi**

Penerapan empat unsur sains dan teknologi dalam mata pelajaran lain dilaksanakan melalui kandungan, aktiviti dan bahan atau prasarana. Antara unsurnya ialah pengetahuan sains dan teknologi, kemahiran saintifik dan penggunaan teknologi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

### **5.6 Pendidikan Alam Sekitar**

Pendidikan alam sekitar bertujuan untuk menanam sikap mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid. Aktiviti berkaitan dengan alam sekitar boleh memberikan kesedaran dan membentuk etika murid untuk menghargai alam.

### **5.7 Kreativiti dan Inovasi**

Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran KSSR bagi membangun dan mengembangkan tahap potensi kreativiti mengikut keupayaan individu murid. Selain itu, kreativiti merujuk kepada tindakan penghasilan idea, pendekatan atau tindakan baharu. Inovasi pula ialah proses menjana idea dan mengaplikasi idea, serta kreatif dalam konteks tertentu. Kreativiti dan inovasi perlu digandingkan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk membangunkan modal insan yang dihasratkan.

## 5.8 Keusahawanan

Elemen keusahawanan merentas kurikulum merupakan satu pendekatan membudayakan keusahawanan. Proses ini melibatkan pembentukan sikap keusahawanan serta amalan nilai moral dan etika dalam keusahawanan. Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.

## 5.9 Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) diaplikasikan dan diintegrasikan supaya murid dapat belajar mengenai perkakasan dan perisian. Selain itu, guru dan murid menggunakan TMK sebagai alat untuk mengajar dan belajar. Murid juga belajar melalui TMK untuk mengakses maklumat dan ilmu pengetahuan menggunakan media TMK seperti internet dan lain-lain untuk meluaskan penerokaan ilmu pengetahuan dalam urusan kehidupan.

# 6.0 STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

## 6.1 Penekanan 5P

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSSR, strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia perlu menekankan prinsip 5P iaitu penggabungjalinan, penyerapan, penilaian, pemulihan dan pengayaan. Hal ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Strategi

pengajaran dan pembelajaran tersebut adalah seperti yang berikut:

### *Penggabungjalinan*

Penggabungjalinan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Cara ini juga dapat mengelakkan kebosanan dalam proses pembelajaran. Kemahiran dapat digabungjalinkan, sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang terdapat dalam standard kandungan.

### *Penyerapan*

Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia, unsur ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin daripada mata-mata pelajaran lain.

### *Penilaian*

Penilaian dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan suatu aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran. Penilaian perlulah dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses penilaian berterusan segala kelemahan dapat dikenal pasti dan jenis tindakan susulan dapat diambil terhadap seseorang murid sama ada berbentuk pemulihan atau pengayaan.

### *Pemulihan*

Program pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran asas yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan untuk program ini terdiri daripada kad, carta, bahan maujud, alat permainan, dan lain-lain yang boleh digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan program ini adalah mengikut kadar kemampuan murid menguasai sesuatu kemahiran.

### *Pengayaan*

Program pengayaan disediakan untuk memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid. Murid hendaklah diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan bacaan tambahan, kad, permainan dan bahan aktiviti boleh diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

## **6.2 Pendekatan Berpusatkan Murid**

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa.

## **6.3 Pendekatan Tematik**

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia diajar berdasarkan tema. Melalui pengajaran dan pembelajaran bertema kemahiran bahasa, pembelajaran tatabahasa dan pengembangan kosa kata dapat disepadukan dan dikukuhkan. Di samping itu, ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, perancangan dan penentuan tema pengajaran meliputi pelbagai bidang ilmu, hal persendirian dan isu kemasyarakatan, menghargai warisan, mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri murid serta isu-isu semasa. Cakupan tema yang ditekankan adalah seperti yang berikut:

### *Kekeluargaan*

Tema kekeluargaan merangkumi hubungan sesuatu keluarga yang melibatkan keluarga asas dan keluarga kembangan. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar menghargai dan menghormati setiap ahli keluarga.

### *Kemasyarakatan*

Tema ini merujuk tanggungjawab individu dan kumpulan dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian dan kepentingan hidup bersama. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhhlak mulia, hormat - menghormati, bekerjasama dan bertanggungjawab.

*Kesihatan dan Kebersihan*

Tema kesihatan dan kebersihan merujuk kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, dan amalan gaya hidup sihat.

*Keselamatan*

Tema keselamatan merujuk keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya ketika berada dalam pelbagai persekitaran. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid supaya dapat memberi kesedaran agar mengutamakan keselamatan.

*Perpaduan*

Tema perpaduan merujuk kepentingan hubungan erat yang terbentuk hasil daripada toleransi dalam kalangan penduduk Malaysia. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid dalam usaha memupuk semangat perpaduan.

*Kebudayaan, Kesenian dan Estetika*

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merangkumi elemen-elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat dan budaya. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar kehalusan seni budaya ini dapat dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

*Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan*

Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan merujuk kepada keupayaan murid menzahirkan keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat juang dan sanggup berkorban demi negara. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat madani, yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara.

*Sains, Teknologi dan Inovasi*

Tema sains, teknologi dan inovasi merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang baharu. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar dapat melahirkan insan yang berupaya menjana idea untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi.

*Alam Sekitar dan Teknologi Hijau*

Tema alam sekitar dan teknologi hijau merujuk keupayaan murid menjaga dan mengurus alam sekitar untuk kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan bagi kelangsungan kehidupan generasi akan datang. Tema ini sesuai diajarkan agar murid cinta dan prihatin serta bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar dan teknologi hijau.

*Pertanian dan Penternakan*

Tema pertanian dan penternakan memberi murid pendedahan perihal asas-asas pertanian dan penternakan secara tradisional dan moden. Tema ini

sesuai diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang bioteknologi pertanian dan penternakan dalam kehidupan.

#### *Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan*

Tema ekonomi memberi murid pendedahan perihal bidang peniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan dan pengurusan perdagangan. Tema ini sesuai diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang ekonomi dan membudayakan sikap keusahawanan dalam kehidupan.

### **6.4 Kepelbagaian Kaedah dan Teknik**

Proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia sekolah rendah menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah dan teknik mengajar. Guru boleh memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu mengajar, serta teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berkomunikasi dan berinteraksi serta berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.

#### *6.4.1 Kemahiran Berfikir*

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui pelbagai aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah

penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa hadapan.

#### *6.4.2 Didik Hibur*

Satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara santai dan berhibur yang terancang dan bersistematis dengan penekanan pelaksanaannya terhadap empat komponen sastera iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi.

#### *6.4.3 Penyelesaian Masalah*

Penyelesaian masalah ialah aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan masalah berbentuk perkataan, masalah bukan mekanis, teka-teki, kuiz atau penggunaan kemahiran matematik dalam situasi sebenar. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah mereka pelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Kaedah ini menggalakkan murid berfikir kritis dan kreatif.

#### *6.4.4 Pembelajaran Berasaskan Projek*

Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid-murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersemprehankan dapatannya. Ini juga dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

#### *6.4.5 Pembelajaran Koperatif*

Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kumpulan yang membolehkan murid belajar bersama-sama, saling belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif ini dapat menghasilkan satu tugas kumpulan, di samping mewujudkan interaksi antara murid, kerjasama dan semangat berpasukan yang kuat.

#### *6.4.6 Kecerdasan Pelbagai*

Kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, muzik, kinestetik, visual ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

#### *6.4.7 Pembelajaran Kontekstual*

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanannya pembelajaran dalam kehidupan mereka.

#### *6.4.8 Pembelajaran Konstruktivisme*

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

#### *6.4.9 Kemahiran Belajar Cara Belajar*

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berkeupayaan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

#### *6.4.10 Kajian Masa Depan*

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa depan. Hal ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta menangani perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum.

#### 6.4.11 Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran Akses Kendiri (PAK) ialah satu program yang membolehkan murid belajar secara kendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberi peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan mereka sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

#### 6.4.12 Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari semasa di dalam bilik darjah, memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

#### 6.4.13 Pembelajaran Masteri

Pembelajaran Masteri memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran dalam sesuatu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain. Pembelajaran ini dipecahkan kepada unit yang lebih kecil untuk mudah dikuasai. Murid mesti menguasai 80% aras masteri sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baharu.

#### 6.5 Kepelbagai Sumber Bahan

Penggunaan pusat sumber dan komputer amatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia. Bahan-bahan sumber seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, Internet, bahan sastera dan bahan berunsur ilmu hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran serta untuk bacaan ekstensif.

## OBJEKTIF STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

| Tahun 1   | Tahun 2  | Tahun 3  |
|---|--|--|
| <p>Objektif Kemahiran Mendengar dan Bertutur adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. mendengar, mengecam, mengajuk dan menentukan arah bunyi dalam persekitaran dengan teliti dan betul;</li> <li>ii. mendengar, mengecam dan menyebut bunyi bahasa dengan betul;</li> <li>iii. mendengar, memahami, menyebut dan menjeja perkataan yang mengandungi dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul dan tepat;</li> <li>iv. mendengar, memahami dan menyebut frasa dan ayat tunggal dengan betul dan tepat;</li> <li>v. mendengar, memahami dan memberikan respons secara lisan atau gerak laku berdasarkan arahan, pesanan dan pertanyaan dengan betul;</li> <li>vi. bertutur dan berbual serta menyatakan permintaan menggunakan ayat yang mengandungi diki, kata panggilan, kata ganti nama diri pertama dan kedua dengan betul dalam situasi tidak formal secara bertatususila;</li> <li>vii. bercerita tentang sesuatu perkara dan menceritakan semula perkara yang didengar menggunakan ayat tunggal dengan tepat,</li> </ul> | <p>Objektif Kemahiran Mendengar dan Bertutur adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. mendengar, memahami, menyebut frasa, ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul dan tepat;</li> <li>ii. mendengar, memahami dan memberikan respons secara lisan atau gerak laku terhadap arahan berdasarkan ayat perintah jenis ayat silaan dan ayat perintah jenis ayat larangan dengan betul;</li> <li>iii. mendengar, memahami dan memberikan respons secara lisan atau gerak laku berdasarkan pelbagai soalan bercapaah dan pesanan mengikut urutan yang betul;</li> <li>iv. bertutur, berbual dan menyatakan permintaan menggunakan ayat yang mengandungi kata panggilan bagi keluarga bukan dalam kalangan keluarga asas dan kata ganti nama diri ketiga dengan betul dalam situasi tidak formal secara bertatususila;</li> <li>v. bercerita tentang sesuatu perkara dan menceritakan perkara yang didengar dengan tepat menggunakan ayat majmuk dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;</li> <li>vi. berbicara untuk mendapat dan menyampaikan maklumat tentang sesuatu</li> </ul> | <p>Objektif Kemahiran Mendengar dan Bertutur adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. mendengar, memahami, menyebut frasa dan ayat dengan struktur yang betul dan tepat;</li> <li>ii. mendengar, memahami dan memberikan respons secara lisan atau gerak laku terhadap arahan berdasarkan ayat perintah jenis ayat permintaan dan ayat perintah jenis ayat suruhan dengan betul;</li> <li>iii. mendengar, memahami dan memberikan respons secara lisan berdasarkan soalan yang mengandungi kata tanya dan menyampaikan pesanan dengan betul;</li> <li>iv. berbual tentang sesuatu perkara menggunakan pelbagai ayat, kata panggilan yang sesuai dalam kalangan bukan ahli keluarga dan kata ganti nama diri yang betul dalam pelbagai situasi secara bertatususila;</li> <li>v. bertutur, berbual dan menyatakan permintaan menggunakan perkataan dan ayat yang sesuai dalam situasi tidak formal secara bertatususila;</li> <li>vi. bercerita dan menceritakan sesuatu perkara yang dibaca dengan tepat menggunakan ayat tunggal dan ayat</li> </ul> |

|   |   |  |
|---|---|--|
| <p>sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; dan</p> <p>viii. berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan tepat dengan menggunakan perkataan yang sesuai secara bertatusila.</p> | <p>perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat menggunakan ayat yang mengandungi rangkai kata yang sesuai secara bertatusila; dan</p> <p>vii. berbincang dan mengemukakan pandangan dan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatusila.</p> | <p>majmuk dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;</p> <p>vii. berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat menggunakan ayat yang mengandungi frasa yang sesuai secara bertatusila; dan</p> <p>viii. berbincang dan mengemukakan pandangan dan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang betul secara bertatusila.</p> |
|---|---|--|

**STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR**

| STANDARD KANDUNGAN   | STANDARD PEMBELAJARAN  |         |         |
|--|--|---------|---------|
|  | TAHAP 1  |         |         |
| Kandungan Kemahiran Mendengar dan Bertutur   | TAHUN 1  | TAHUN 2 | TAHUN 3 |
| 1.1 Asas mendengar dan memberi respons dengan betul terhadap pelbagai bunyi dalam persekitaran.                    | 1.1.1 Mengecam pelbagai bunyi dalam persekitaran dengan teliti dan betul.  |         |         |
|  | 1.1.2 Mengecam dan mengajuk pelbagai bunyi dalam persekitaran yang didengar dengan betul.  |         |         |
|  | 1.1.3 Mendengar dan menentukan arah bunyi dalam persekitaran dengan betul.   |         |         |
| 1.2 Mendengar, mengecam dan menyebut bunyi bahasa, iaitu abjad, suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan betul. | 1.2.1 Mendengar, mengecam dan menyebut nama abjad dengan betul dan tepat.  |         |         |
|  | 1.2.2 Mendengar dan menyebut bunyi vokal dan suku kata terbuka dengan betul dan tepat.   |         |         |
|  | 1.2.3 Mendengar dan menyebut bunyi vokal dan suku kata tertutup dengan betul dan tepat.  |         |         |
|  | 1.2.4 Mendengar, memahami, menyebut, dan mengeja perkataan yang mengandungi suku kata terbuka dan suku kata tertutup dengan betul dan tepat. |         |         |

| STANDARD KANDUNGAN   | STANDARD PEMBELAJARAN   |   |   |
|--|---|---|---|
|  | TAHAP 1   |   |   |
| Kandungan Kemahiran Mendengar dan Bertutur   | TAHUN 1   | TAHUN 2   | TAHUN 3   |
|  | <p>1.2.5 Mendengar, memahami, menyebut, dan mengeja perkataan yang mengandungi dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul dan tepat.</p> <p>1.2.6 Mendengar, memahami, dan menyebut frasa dan ayat tunggal dengan betul dan tepat.</p>  |   |   |
| 1.3 <b>Mendengar, memahami dan memberi respons terhadap sesuatu arahan, soalan dan pesanan yang didengar dengan betul.</b> | <p>1.3.1 Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap sesuatu arahan secara lisan atau gerak laku dengan betul.</p> <p>1.3.2 Mendengar, memahami dan memberikan respons dengan betul secara lisan terhadap pelbagai soalan bertumpu.</p> <p>1.3.3 Mendengar, memahami pesanan dan memberikan respons secara gerak laku yang betul.</p> | <p>1.3.1 Mendengar, memahami dan memberikan respons yang sesuai secara lisan atau gerak laku terhadap arahan berdasarkan ayat perintah jenis silaan dan ayat perintah jenis larangan dengan betul.</p> <p>1.3.2 Mendengar, memahami dan memberikan respons dengan betul secara lisan terhadap pelbagai soalan bercapah.</p> <p>1.3.3 Mendengar, memahami dan memberikan respons secara lisan dan gerak laku berdasarkan</p> | <p>1.2.6 Mendengar, memahami, dan menyebut frasa dan ayat dengan struktur binaan ayat yang betul dan tepat.</p> <p>1.3.1 Mendengar, memahami, dan memberikan respons yang sesuai secara lisan atau gerak laku terhadap arahan berdasarkan ayat perintah jenis ayat permintaan dan ayat perintah jenis ayat suruhan dengan betul.</p> <p>1.3.2 Mendengar, memahami dan memberikan respons dengan betul secara lisan terhadap soalan yang mengandungi kata tanya.</p> <p>1.3.3 Mendengar, memahami dan memberikan respons dengan menyampaikan</p> |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>   | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>  |  |   |
|---|---|--|---|
|   | <b>TAHAP 1</b>  |  |   |
| <b>Kandungan Kemahiran Mendengar dan Bertutur</b>   | <b>TAHUN 1</b>  | <b>TAHUN 2</b>   | <b>TAHUN 3</b>  |
|   |   | pesanan mengikut urutan dengan betul.  | pesanan dengan betul.   |
| 1.4 <b>Bertutur, berbual dan menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.</b> | <p>1.4.1 Bertutur menggunakan diksi yang betul secara bertatasusila.</p> <p>1.4.2 Berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kata panggilan dengan tepat bagi ahli keluarga asas dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.</p> <p>1.4.3 Berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kata ganti nama diri pertama dan kedua dengan betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.</p> <p>1.4.4 Bertutur dan menyatakan permintaan untuk melakukan sesuatu perkara dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.</p> | <p>1.4.1 Berbual tentang sesuatu perkara dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk yang betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.</p> <p>1.4.2 Berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kata panggilan dengan tepat bagi keluarga bukan kalangan keluarga asas dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.</p> <p>1.4.3 Berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kata ganti nama diri ketiga dengan betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.</p> <p>1.4.4 Bertutur dan menyatakan permintaan dengan intonasi yang betul tentang sesuatu perkara dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.</p> | <p>1.4.1 Bertutur tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan menggunakan pelbagai ayat dalam pelbagai situasi secara bertatasusila.</p> <p>1.4.2 Berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kata panggilan yang sesuai bagi kalangan bukan ahli keluarga dalam pelbagai situasi secara bertatasusila.</p> <p>1.4.3 Berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kata ganti nama diri dengan betul dalam pelbagai situasi secara bertatasusila.</p> <p>1.4.4 Bertutur dan menyatakan permintaan dengan menggunakan kata dan ayat yang sesuai tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi secara bertatasusila.</p> |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>  | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>   |   |   |
|--|--|---|---|
|  | <b>TAHAP 1</b>   |   |   |
| <b>Kandungan Kemahiran Mendengar dan Bertutur</b>  | <b>TAHUN 1</b>   | <b>TAHUN 2</b>  | <b>TAHUN 3</b>  |
|  |  |   | bertatasusila.  |
| 1.5 <b>Bercerita dan menceritakan sesuatu perkara semula dengan tepat menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.</b>    | 1.5.1 Bercerita tentang sesuatu perkara dengan tepat, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul menggunakan ayat tunggal. | 1.5.1 Bercerita tentang sesuatu perkara dengan tepat, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul menggunakan ayat majmuk.                 | 1.5.1 Bercerita tentang sesuatu perkara dengan tepat, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul.         |
|  | 1.5.2 Menceritakan sesuatu perkara yang didengar dengan betul menggunakan ayat tunggal.                                    | 1.5.2 Menceritakan sesuatu perkara yang didengar dengan tepat, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul menggunakan ayat majmuk.        | 1.5.2 Menceritakan sesuatu perkara yang dibaca dengan tepat , sebutan yang jelas dan intonasi yang betul menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul. |
| 1.6 <b>Berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat secara bertatasusila.</b> | 1.6.1 Berbicara untuk mendapatkan maklumat dengan tepat daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.                     | 1.6.1 Berbicara untuk mendapatkan maklumat yang tepat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.              | 1.6.1 Berbicara untuk mendapatkan maklumat yang tersurat dengan tepat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.                    |
|  | 1.6.2 Berbicara untuk menyampaikan maklumat dengan tepat daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.                    | 1.6.2 Berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat dan jelas secara bertatasusila. | 1.6.2 Berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.  |

| STANDARD KANDUNGAN  | STANDARD PEMBELAJARAN   |   |  |
|---|---|---|--|
|   | TAHAP 1   |   |  |
| Kandungan Kemahiran Mendengar dan Bertutur  | TAHUN 1   | TAHUN 2   | TAHUN 3  |
|   | 1.6.3 Berbicara untuk menyampaikan maklumat dengan tepat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan perkataan yang sesuai secara bertatusila. | 1.6.3 Berbicara untuk menyampaikan maklumat dengan tepat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan menggunakan ayat yang mengandungi rangkai kata yang sesuai secara bertatusila.   | 1.6.3 Berbicara untuk menyampaikan maklumat dengan tepat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan ayat yang mengandungi frasa yang sesuai secara bertatusila.  |
| 1.7 Berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatusila. |   | 1.7.1 Berbincang dan mengemukakan pandangan tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatusila.<br><br>1.7.2 Berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatusila. | 1.7.1 Berbincang dan mengemukakan pandangan tentang sesuatu perkara menggunakan perkataan frasa dan ayat yang sesuai daripada pelbagai sumber secara bertatusila.<br><br>1.7.2 Berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan perkataan, frasa dan ayat yang betul daripada pelbagai sumber secara bertatusila. |

**OBJEKTIF STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA**

| <b>Tahun 1</b>   | <b>Tahun 2</b>  | <b>Tahun 3</b>  |
|--|---|---|
| <p>Objektif Kemahiran Membaca adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. membaca pelbagai perkataan, frasa dan ayat secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul;</li> <li>ii. membaca dan memahami perkataan dan frasa yang mengandungi perkataan dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul;</li> <li>iii. membaca ayat tunggal daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang betul;</li> <li>iv. membaca dengan sebutan, intonasi dan jeda mengikut tanda baca dengan betul;</li> <li>v. membaca dan memahami maklumat yang tersurat daripada pelbagai bahan untuk mengenal pasti idea utama dan membuat klasifikasi dengan betul;</li> <li>vi. membaca, memahami dan menaakul maklumat dalam bahan grafik dengan betul dan memindahkan kepada bentuk bukan</li> </ul> | <p>Objektif Kemahiran Membaca adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. membaca dan memahami perkataan, frasa dan ayat majmuk yang mengandungi perkataan dua atau lebih suku kata, diftong, vokal berganding, digraf, dan konsonan bergabung dengan sebutan yang betul;</li> <li>ii. membaca pelbagai jenis ayat dengan lancar, berjeda, sebutan yang jelas, mengikut tanda baca dan intonasi yang betul;</li> <li>iii. membaca dan memahami maklumat tersurat daripada bahan multimedia untuk mengenal pasti idea utama dan idea sampingan serta menyatakan urutan dengan betul;</li> <li>iv. membaca, memahami dan menaakul bahan grafik dan bukan grafik bertujuan menyatakan maksud untuk memindahkan maklumat dengan betul; dan</li> <li>v. membaca dan memahami pelbagai bahan kreatif untuk menambah ilmu</li> </ul> | <p>Objektif Kemahiran Membaca adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. membaca dan memahami perkataan berimbuhan awalan dan berimbuhan akhiran dalam ayat daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang betul;</li> <li>ii. membaca dan memahami frasa yang mengandungi diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dalam perenggan daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang betul;</li> <li>iii. membaca kuat bahan bacaan yang mengandungi pelbagai pola ayat, ayat tunggal susunan biasa dan ayat tunggal susunan songsang dengan lancar, sebutan dan intonasi yang betul dan jelas;</li> <li>iv. membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan multimedia untuk mengenal pasti pertautan idea, membuat penilaian dan ramalan dengan betul;</li> </ul> |

|  |   |   |
|--|---|---|
| grafik; dan<br><br>vii. membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan secara didik hibur untuk memperkaya kosa kata dan menambah pengetahuan. | pengetahuan, memperkaya kosa kata serta meningkatkan kelancaran bacaan. | v. membaca, memahami dan menaakul bahan grafik untuk memindahkan maklumat kepada bentuk ayat dengan betul; dan<br><br>vi. membaca dan memahami pelbagai bahan sastera dan bukan sastera untuk menambah ilmu pengetahuan dan mendapatkan pengajaran. |
|--|---|---|

**STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA**

| STANDARD KANDUNGAN   | STANDARD PEMBELAJARAN  |   |   |
|--|--|---|---|
|  | TAHAP 1  |   |   |
| Kandungan Kemahiran Membaca  | TAHUN 1  | TAHUN 2   | TAHUN 3   |
| 2.1 Asas membaca dengan sebutan yang betul.  | 2.1.1 Membaca bentuk-bentuk, abjad dan membunyikan huruf vokal dengan sebutan yang betul.  |   |   |
|  | 2.1.2 Mengeja dan membatang suku kata terbuka dengan sebutan yang betul.   |   |   |
|  | 2.1.3 Mengeja dan membatang suku kata tertutup dengan sebutan yang betul.  |   |   |
| 2.2 Membaca dan memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul. | 2.2.1 Membaca dan memahami perkataan yang mengandungi dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan sebutan yang betul.       | 2.2.1 Membaca dan memahami perkataan dalam ayat tunggal yang mengandungi dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan sebutan yang betul. | 2.2.1 Membaca dan memahami perkataan berimbuhan awalan dan berimbuhan akhiran dalam ayat daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang betul.                            |
|  | 2.2.2 Membaca dan memahami frasa yang mengandungi perkataan dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan sebutan yang betul. | 2.2.2 Membaca dan memahami frasa dalam ayat yang mengandungi perkataan dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan sebutan yang betul.   | 2.2.2 Membaca dan memahami frasa yang mengandungi diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dalam perenggan daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>   | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>   |   |   |
|---|--|---|---|
|   | <b>TAHAP 1</b>   |   |   |
| <b>Kandungan Kemahiran Membaca</b>  | <b>TAHUN 1</b>   | <b>TAHUN 2</b>  | <b>TAHUN 3</b>  |
|   |  |   | betul.  |
|   | 2.2.3 Membaca dan memahami ayat tunggal daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang betul.                              | 2.2.3 Membaca dan memahami ayat majmuk daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang betul.                            | 2.2.3 Membaca dan memahami ayat dalam perenggan daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang betul.   |
| 2.3 <b>Membaca kuat pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.</b>                        | 2.3.1 Membaca kuat ayat tunggal dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.                                     | 2.3.1 Membaca kuat ayat penyata dengan lancar, sebutan yang jelas, intonasi yang betul dan berjeda.                         | 2.3.1 Membaca kuat pelbagai bahan bacaan yang mengandungi pelbagai pola ayat dengan lancar, sebutan dan intonasi yang betul dan jelas.                              |
|   | 2.3.2 Membaca kuat ayat tunggal dan ayat majmuk dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul mengikut tanda baca. | 2.3.2 Membaca kuat pelbagai jenis ayat dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul mengikut tanda baca.       | 2.3.2 Membaca kuat pelbagai bahan bacaan yang mengandungi ayat tunggal susunan biasa dan susunan songsang dengan lancar, sebutan dan intonasi yang betul dan jelas. |
| 2.4 <b>Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberi respons dengan betul.</b> | 2.4.1 Membaca dan memahami maklumat untuk mengenal pasti idea utama dalam pelbagai bahan dengan tepat.                         | 2.4.1 Membaca dan memahami maklumat untuk mengenal pasti idea utama dan idea sampingan dalam bahan multimedia dengan tepat. | 2.4.1 Membaca dan memahami maklumat untuk mengenal pasti pertautan idea dalam bahan multimedia bagi membuat ramalan dengan tepat.                                   |
|   | 2.4.2 Membaca dan memahami maklumat daripada pelbagai  | 2.4.2 Membaca dan memahami maklumat daripada bahan  | 2.4.2 Membaca dan memahami maklumat daripada bahan  |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>   | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>   |  |  |
|---|--|--|--|
|   | <b>TAHAP 1</b>   |  |  |
| <b>Kandungan Kemahiran Membaca</b>  | <b>TAHUN 1</b>   | <b>TAHUN 2</b>   | <b>TAHUN 3</b>   |
|   | bahan bacaan untuk membuat klasifikasi dengan betul.   | multimedia untuk menyatakan maklumat mengikut urutan dengan betul.   | multimedia untuk membuat penilaian dengan betul.   |
|   | 2.4.3 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dengan tepat daripada pelbagai bahan.                              | 2.4.3 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dengan tepat daripada bahan multimedia yang sesuai.                                  | 2.4.3 Membaca dan memahami maklumat yang tersirat dengan tepat daripada bahan multimedia yang sesuai untuk membuat penilaian dengan betul. |
| 2.5 <b>Membaca, memahami dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan dengan betul.</b> | 2.5.1 Membaca dan memahami maklumat dalam bahan grafik dengan betul.   | 2.5.1 Membaca dan memahami bahan grafik yang mempunyai perkataan dengan betul.   | 2.5.1 Membaca dan memahami bahan grafik yang mengandungi ayat dengan betul.  |
|   | 2.5.2 Membaca, memahami dan menaakul maklumat dalam bahan grafik dengan betul.                                       | 2.5.2 Membaca, memahami dan menaakul bahan grafik dan bahan bukan grafik dengan betul.   | 2.5.2 Membaca , memahami dan menaakul maklumat dalam bahan grafik dan bahan bukan grafik dengan betul.                                     |
|   | 2.5.3 Membaca dan menaakul untuk memindahkan maklumat daripada bahan grafik kepada bentuk bukan grafik dengan betul. | 2.5.3 Membaca, memahami dan menaakul bahan bukan grafik untuk memindahkan maklumat kepada bentuk bukan grafik serta ayat dengan betul. | 2.5.3 Membaca, memahami dan menaakul bahan grafik untuk memindahkan maklumat kepada bentuk bukan grafik dengan betul.                      |
| 2.6 <b>Membaca pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang sesuai bagi memupuk</b>                                  | 2.6.1 Membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan secara didik hibur untuk  | 2.6.1 Membaca pelbagai bahan kreatif yang sesuai untuk menambah kosa kata dan meningkatkan kelancaran                                  | 2.6.1 Membaca dan memahami pelbagai bahan kreatif yang sesuai untuk menambah kosa kata umum dan kosa kata                                  |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>          | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>   |  |   |
|------------------------------------|--|--|---|
|                                    | <b>TAHAP 1</b>   |  |   |
| <b>Kandungan Kemahiran Membaca</b> | <b>TAHUN 1</b>   | <b>TAHUN 2</b>   | <b>TAHUN 3</b>  |
| minat membaca.                     | memperkaya kosa kata.  | bacaan.  | istilah.  |
|                                    | 2.6.2 Membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan secara hibur untuk menambahkan pengetahuan. | 2.6.2 Membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan berbentuk didik hibur untuk menambahkan ilmu dan kosa kata. | 2.6.2 Membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan bukan sastera untuk mendapat ilmu pengetahuan. |

**OBJEKTIF STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENULIS**

| <b>Tahun 1</b>  | <b>Tahun 2</b>   | <b>Tahun 3</b>  |
|---|--|---|
| <p>Objektif Kemahiran Menulis adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. melakukan aktiviti pramenulis dengan betul;</li> <li>ii. menulis secara mekanis bentuk huruf dan perkataan yang mengandungi suku kata terbuka dan tertutup dengan cara yang betul dan tulisan yang kemas;</li> <li>iii. menulis perkataan dan frasa yang mengandungi perkataan dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul;</li> <li>iv. menulis secara mekanis ayat tunggal dengan betul dan tulisan yang kemas;</li> <li>v. membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul;</li> <li>vi. menulis imlak perkataan dan frasa yang mengandungi suku kata terbuka dan suku kata tertutup dengan ejaan yang tepat;</li> <li>vii. mencatat maklumat daripada pelbagai sumber dengan betul untuk diklasifikasikan;</li> </ul> | <p>Objektif Kemahiran Menulis adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. menulis secara mekanis pelbagai perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi perkataan dua atau lebih suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul serta tulisan yang kemas dan cantik;</li> <li>ii. menulis secara mekanis abjad dan perkataan dalam bentuk tulisan berangkai dengan betul dan kemas;</li> <li>iii. membina dan menulis, perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi perkataan diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul serta tulisan yang kemas dan cantik;</li> <li>iv. membina dan menulis ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan soalan dan bahan grafik dengan betul dan tulisan yang kemas;</li> <li>v. menulis imlak perkataan dan frasa yang mengandungi perkataan dua atau lebih suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan</li> </ul> | <p>Objektif Kemahiran Menulis adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. menulis ayat tunggal dan ayat majmuk secara mekanis dengan betul dan kemas;</li> <li>ii. menulis frasa dan ayat tunggal secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai dengan betul dan kemas;</li> <li>iii. membina dan menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dengan betul;</li> <li>iv. membina dan menulis pelbagai jenis ayat berdasarkan bahan grafik dalam satu perenggan dengan betul;</li> <li>v. menulis imlak perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi perkataan berimbuh dengan tanda baca dan ejaan yang tepat;</li> <li>vi. mencatat maklumat yang betul mengikut susunan dan membuat carta alir daripada pelbagai sumber;</li> <li>vii. menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul menggunakan idea utama</li> </ul> |

|   |   |   |
|---|---|---|
| <p>viii. menulis untuk menyampaikan maklumat yang tepat menggunakan bahasa yang santun;</p> <p>ix. menghasilkan penulisan berbentuk naratif dan bukan naratif secara terkawal dengan betul; dan</p> <p>x. mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan.</p> | <p>vi. betul dan tepat;</p> <p>vii. mencatat maklumat yang betul untuk membanding beza dan menghubung kait maklumat daripada pelbagai sumber;</p> <p>viii. menulis untuk menyampaikan maklumat yang berbentuk puisi menggunakan perkataan, diksi, frasa dan ayat serta menegaskan kesantunan berbahasa;</p> <p>ix. menghasilkan penulisan berbentuk naratif dan bukan naratif secara separa terkawal dengan betul; dan</p> <p>ix. mengedit dan memurnikan perkataan dalam ayat daripada aspek ejaan dan tanda baca.</p> | <p>dengan menggunakan bahasa yang santun;</p> <p>viii. menulis untuk menyampaikan maklumat berbentuk pengumuman yang betul dan jelas dengan menegaskan kesantunan berbahasa;</p> <p>ix. menghasilkan penulisan pelbagai genre secara berpandu dengan betul; dan</p> <p>x. mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek penggunaan kata, imbuhan, kata majmuk, ejaan dan tanda baca.</p> |
|---|---|---|

**STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENULIS**

| STANDARD KANDUNGAN  | STANDARD PEMBELAJARAN   |   |         |
|---|---|---|---------|
|   | TAHAP 1   |   |         |
| Kandungan Kemahiran Menulis   | TAHUN 1   | TAHUN 2   | TAHUN 3 |
| <b>3.1 Asas menulis dengan cara yang betul.</b>   | 3.1.1 Melakar pelbagai bentuk atau corak dengan kemas dan jelas.  |   |         |
|   | 3.1.2 Membentuk garisan yang menyerupai bentuk huruf dengan kemas dan jelas.  |   |         |
| <b>3.2 Menulis huruf, suku kata, perkataan, frasa dan ayat secara mekanis dengan betul dan kemas.</b> | 3.2.1 Menulis dan membentuk huruf besar dan huruf kecil dengan cara yang betul serta tulisan yang kemas.  |   |         |
|   | 3.2.2 Menulis suku kata terbuka dengan cara yang betul dan tulisan yang kemas.  |   |         |
|   | 3.2.3 Menulis suku kata tertutup dengan cara yang betul dan tulisan yang kemas.   |   |         |
|   | 3.2.4 Menulis perkataan yang mengandungi dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul dan tulisan yang kemas. | 3.2.4 Menulis pelbagai perkataan dan frasa yang mengandungi perkataan dua atau lebih suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan cara yang betul dan tulisan yang kemas. |         |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>                                       | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>  |  |  |
|---|---|--|--|
|   | <b>TAHAP 1</b>  |  |  |
| <b>Kandungan Kemahiran Menulis</b>                              | <b>TAHUN 1</b>  | <b>TAHUN 2</b>   | <b>TAHUN 3</b>   |
| 3.2 Membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul. | 3.2.5 Menulis frasa yang mengandungi perkataan dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul dan tulisan yang kemas. | 3.2.5 Menulis ayat yang mengandungi yang perkataan dua atau lebih suka kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan cara yang betul dan tulisan yang kemas. |  |
|   | 3.2.6 Menulis ayat tunggal dengan betul dan tulisan yang kemas.   | 3.2.6 Menulis ayat majmuk dengan betul dan kemas.  | 3.2.6 Menulis ayat tunggal dan ayat majmuk secara mekanis dengan betul dan kemas.                          |
|   |   | 3.2.7 Menulis secara mekanis abjad dan perkataan dalam bentuk tulisan berangkai dengan betul.  | 3.2.7 Menulis frasa dan ayat tunggal secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai dengan betul dan kemas. |
| 3.3 Membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul. | 3.3.1 Membina dan menulis perkataan yang mengandungi suku kata terbuka dan tertutup dengan betul dan kemas.   | 3.3.1 Membina dan menulis perkataan dan frasa dengan cara yang betul dan kemas.  |  |
|   | 3.3.2 Membina dan menulis perkataan yang mengandungi diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul.   | 3.3.2 Membina dan menulis ayat yang mengandungi perkataan dua atau lebih suka kata, diftong, vokal berganding, digraf, dan konsonan bergabung  |  |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>   | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>  |  |  |
|---|---|--|--|
|   | <b>TAHAP 1</b>  |  |  |
| <b>Kandungan Kemahiran Menulis</b>  | <b>TAHUN 1</b>  | <b>TAHUN 2</b>   | <b>TAHUN 3</b>   |
|   |   | dengan betul.  |  |
|   | 3.3.3 Membina dan menulis frasa dengan betul.   | 3.3.3 Membina dan menulis jawapan dalam bentuk ayat mudah dengan betul berdasarkan soalan.   | 3.3.3 Membina dan menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dengan betul.                            |
|   | 3.3.4 Membina dan menulis ayat tunggal dan ayat majmuk dengan betul.  | 3.3.4 Membina dan menulis ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan bahan grafik dengan betul.  | 3.3.4 Membina dan menulis pelbagai jenis ayat berdasarkan bahan grafik dalam satu perenggan dengan betul.        |
| 3.4 <b>Menulis imlak dengan tepat.</b>  | 3.4.1 Menulis imlak perkataan yang mengandungi suku kata terbuka dan suku kata tertutup dengan tepat.       | 3.4.1 Menulis imlak perkataan dan frasa yang mengandungi perkataan dua atau lebih suku kata, diftong dan vokal berganding dengan tepat.  | 3.4.1 Menulis imlak perkataan berimbuhan dengan tepat.   |
|   | 3.4.2 Menulis imlak frasa yang mengandungi perkataan suku kata terbuka dan suku kata tertutup dengan tepat. | 3.4.2 Menulis imlak perkataan dan frasa yang mengandungi perkataan dua atau lebih suku kata, digraf dan konsonan bergabung dengan tepat. | 3.4.2 Menulis imlak frasa dan ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan dengan tanda baca dan ejaan yang tepat. |
| 3.5 <b>Mencatat maklumat yang betul tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.</b> | 3.5.1 Mencatat maklumat yang betul daripada pelbagai sumber.  | 3.5.1 Mencatat maklumat penting dengan betul daripada pelbagai sumber.   | 3.5.1 Mencatat maklumat yang betul mengikut susunan daripada pelbagai sumber.                                    |
|   | 3.5.2 Mencatat maklumat yang betul untuk diklasifikasikan   | 3.5.2 Mencatat maklumat penting yang betul untuk   | 3.5.2 Mencatat maklumat yang betul untuk membuat carta   |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>   | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>  |   |   |
|---|---|---|---|
|   | <b>TAHAP 1</b>  |   |   |
| <b>Kandungan Kemahiran Menulis</b>  | <b>TAHUN 1</b>  | <b>TAHUN 2</b>  | <b>TAHUN 3</b>  |
|   | daripada pelbagai sumber.   | menghubungkaitkan fakta daripada pelbagai sumber.   | alir daripada pelbagai sumber.  |
| <b>3.6 Menulis untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang santun.</b> | 3.6.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul berdasarkan bahan yang diberi dengan menggunakan bahasa yang santun. | 3.6.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul menggunakan perkataan, diksi, frasa dan ayat dengan menegaskan kesantunan berbahasa secara berpandu. | 3.6.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang betul menggunakan idea utama dan idea sampingan dengan bahasa yang santun. |
|   | 3.6.2 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang pelbagai dengan betul menggunakan bahasa yang santun.                      | 3.6.2 Menulis untuk menyampaikan maklumat berbentuk puisi dengan menegaskan kesantunan berbahasa secara berpandu.   | 3.6.2 Menulis untuk menyampaikan maklumat berbentuk pengumuman dengan betul menggunakan bahasa yang santun.               |
| <b>3.7 Menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul.</b>                                  | 3.7.1 Menghasilkan penulisan berbentuk naratif secara terkawal dengan betul.  | 3.7.1 Menghasilkan penulisan berbentuk naratif secara separa terkawal dengan betul.   | 3.7.1 Menghasilkan penulisan pelbagai genre kreatif secara berpandu dengan betul.   |
|   | 3.7.2 Menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif secara terkawal dengan betul.                                      | 3.7.2 Menghasilkan penulisan berbentuk naratif dan bukan naratif secara separa terkawal dengan betul.   | 3.7.2 Menghasilkan penulisan kreatif berbentuk imaginatif dan deskriptif secara berpandu dengan betul.                    |
| <b>3.8 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan dengan betul.</b>  | 3.8.1 Mengedit hasil penulisan daripada aspek ejaan.  | 3.8.1 Mengedit perkataan dalam ayat daripada aspek ejaan dan tanda baca.  | 3.8.1 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek penggunaan kata, imbuhan, kata majmuk dan                    |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>  | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>  |   |   |
|--|---|---|---|
|  | <b>TAHAP 1</b>  |   |   |
| <b>Kandungan Kemahiran Menulis</b>   | <b>TAHUN 1</b>  | <b>TAHUN 2</b>  | <b>TAHUN 3</b>  |
|  |   |   | tanda baca dengan betul.  |
|  | 3.8.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan. | 3.8.2 Mengedit dan memurnikan perkataan dalam ayat daripada aspek ejaan dan tanda baca. | 3.8.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan berbentuk naratif daripada aspek penggunaan kata, imbuhan, ejaan dan tanda baca dengan betul. |
| 3.9 <b>Menulis ulasan tentang pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang didengar, ditonton atau dibaca dengan betul.</b> |   |   |   |

## OBJEKTIF STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN ASPEK SENI BAHASA

| Tahun 1   | Tahun 2  | Tahun 3  |
|---|--|--|
| <p>Objektif Aspek Seni Bahasa untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. menyebut dan memahami lirik lagu melalui nyanyian dengan gerak laku secara didik hibur;</li> <li>ii. mengajarkan ayat menggunakan bahasa yang indah dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta menggunakan bahasa badan secara kreatif melalui penceritaan secara didik hibur;</li> <li>iii. mengajarkan dialog dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul tentang sesuatu perkara menggunakan bahasa badan secara kreatif melalui lakonan secara didik hibur; dan</li> <li>iv. melafazkan pantun dua kerat menggunakan bahasa yang indah dengan intonasi yang betul dan memahami maksud pantun secara didik hibur.</li> </ul> | <p>Objektif Aspek Seni Bahasa untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. menyebut dan memahami perkataan dalam lirik lagu melalui nyanyian dan gerak laku secara didik hibur;</li> <li>ii. mengajarkan ayat dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta menggunakan bahasa badan yang kreatif melalui penceritaan secara didik hibur.</li> <li>iii. mengajarkan dialog dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul tentang sesuatu perkara menggunakan bahasa badan dengan kreatif melalui lakonan secara didik hibur; dan</li> <li>iv. melafazkan pantun empat kerat menggunakan bahasa yang indah dengan intonasi yang betul dan memahami maksud pantun secara didik hibur.</li> </ul> | <p>Objektif Aspek Seni Bahasa untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. menyebut, memahami dan menghasilkan lirik lagu yang mengandungi mesej secara terkawal dan menyampaikannya secara didik hibur;</li> <li>ii. mengajarkan ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas, dan susunan idea yang tepat serta gaya yang sesuai untuk menyampaikan mesej melalui penceritaan;</li> <li>iii. mengajarkan dialog dengan sebutan yang betul, intonasi yang jelas, bahasa badan yang sesuai untuk menyampaikan pengajaran melalui lakonan secara didik hibur;</li> <li>iv. melafaz dan memahami pantun empat kerat dengan sebutan yang betul dan intonasi yang jelas, dipersembahkan dalam bahasa yang indah secara didik hibur; dan</li> <li>v. membina pantun empat kerat secara berpandu dan melafazkannya dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas serta dipersembahkan secara didik hibur.</li> </ul> |

**STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN ASPEK SENI BAHASA**

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>   | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>  |   |  |
|---|---|---|--|
|   | <b>TAHAP 1</b>  |   |  |
| <b>Kandungan Aspek Seni Bahasa</b>  | <b>TAHUN 1</b>  | <b>TAHUN 2</b>  | <b>TAHUN 3</b>   |
| 4.1 <b>Menyebut dan memahami unsur seni dalam lagu melalui nyanyian secara didik hibur.</b>                               | 4.1.1 Menyebut lirik lagu melalui nyanyian secara didik hibur.  | 4.1.1 Menyebut lirik lagu dengan jelas melalui nyanyian secara didik hibur.   | 4.1.1 Menyebut dan memahami lirik lagu yang mengandungi mesej dalam nyanyian yang dipersembahkan secara didik hibur.   |
|   | 4.1.2 Menyebut dengan jelas dan memahami lirik lagu melalui nyanyian dan gerak laku secara didik hibur.   | 4.1.2 Memahami dan menyatakan maksud perkataan dalam lirik lagu melalui nyanyian dan gerak laku secara didik hibur.   | 4.1.2 Memahami dan menghasilkan lirik lagu yang mengandungi mesej secara terkawal dan menyampaikan melalui nyanyian secara didik hibur.                        |
| 4.2 <b>Mengujarkan bahasa yang indah dan menggunakan bahasa badan secara kreatif semasa bercerita secara didik hibur.</b> | 4.2.1 Mengujarkan ayat dengan sebutan yang betul dan jelas tentang sesuatu perkara melalui penceritaan secara didik hibur.  | 4.2.1 Mengujarkan ayat dengan sebutan yang betul, intonasi yang jelas dan diksi yang tepat melalui penceritaan secara didik hibur.  | 4.2.1 Mengujarkan ayat dengan sebutan yang betul, intonasi yang jelas dan susunan idea yang tepat melalui penceritaan secara didik hibur.                      |
|   | 4.2.2 Mengujarkan ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas tentang sesuatu perkara serta menggunakan bahasa badan yang kreatif melalui penceritaan secara didik hibur. | 4.2.2 Mengujarkan ayat dengan sebutan yang betul, intonasi yang jelas dan diksi yang tepat serta menggunakan mimik muka yang sesuai melalui penceritaan secara didik hibur. | 4.2.2 Mengujarkan idea yang tepat dengan menggunakan bahasa yang indah serta gaya yang sesuai untuk menyampaikan mesej melalui penceritaan secara didik hibur. |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>  | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>  |  |   |
|--|---|--|---|
|  | <b>TAHAP 1</b>  |  |   |
| <b>Kandungan Aspek Seni Bahasa</b>   | <b>TAHUN 1</b>  | <b>TAHUN 2</b>   | <b>TAHUN 3</b>  |
| 4.3 <b>Mengujarkan bahasa yang indah dan menggunakan bahasa badan dengan kreatif melalui lakonan secara didik hibur.</b> | 4.3.1 Mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas tentang sesuatu perkara melalui lakonan secara didik hibur.   | 4.3.1 Mengujarkan dialog dengan sebutan yang betul, intonasi yang jelas dan diksi yang tepat melalui lakonan spontan secara didik hibur.                 | 4.3.1 Mengujarkan dialog dengan sebutan yang betul, intonasi yang jelas dan bahasa badan yang sesuai melalui lakonan secara didik hibur.  |
|  | 4.3.2 Mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas tentang sesuatu perkara serta menggunakan bahasa badan dengan kreatif melalui lakonan secara didik hibur. | 4.3.2 Mengujarkan dialog dengan sebutan yang betul, intonasi yang jelas, diksi yang tepat dan mimik muka yang sesuai melalui lakonan secara didik hibur. | 4.3.2 Mengujarkan dialog secara spontan berpandukan bahan rangsangan dengan bahasa badan yang sesuai untuk menyampaikan pengajaran melalui aktiviti lakonan secara didik hibur. |
| 4.4. <b>Melafazkan dan memahami puisi dengan intonasi yang betul menggunakan bahasa yang indah secara didik hibur.</b>   | 4.4.1 Melafazkan pantun dua kerat dengan intonasi yang betul secara didik hibur.  | 4.4.1 Melafazkan dan memahami pantun empat kerat dengan sebutan yang betul dan intonasi yang jelas secara didik hibur.                                   | 4.4.1 Melafazkan dan memahami pantun empat kerat dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas menggunakan bahasa yang indah secara didik hibur.                             |
|  | 4.4.2 Melafazkan pantun dua kerat dengan intonasi yang betul serta memahami maksud pantun yang dilafaz menggunakan bahasa yang indah secara didik hibur.                            | 4.4.2 Membina pantun empat kerat secara berpandu dan melafazkannya dengan sebutan yang betul dan intonasi yang jelas secara didik hibur.                 | 4.4.2 Membina pantun empat kerat secara berpandu dan melafazkannya dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas secara didik hibur.   |

**OBJEKTIF STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN ASPEK TATABAHASA**

| <b>Tahun 1</b>   | <b>Tahun 2</b>   | <b>Tahun 3</b>   |
|--|--|--|
| <p>Objektif Kemahiran Aspek Tatabahasa adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. memahami dan menggunakan kata nama am, nama khas, kata ganti nama diri pertama dan kedua serta kata kerja dengan betul;</li> <li>ii. memahami dan menggunakan kata adjektif warna dan kata hubung dengan betul;</li> <li>iii. memahami dan menggunakan kata tanya merujuk manusia dan benda dengan betul;</li> <li>iv. menggunakan imbuhan awalan dan imbuhan akhiran dengan betul; dan</li> <li>v. memahami dan membina ayat dasar dengan pola FN + FN , dan FN + FK dengan betul.</li> </ul> | <p>Objektif Kemahiran Aspek Tatabahasa adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. memahami dan menggunakan kata nama am hidup manusia, kata nama khas hidup manusia dan kata ganti nama diri dengan betul mengikut konteks;</li> <li>ii. memahami dan menggunakan kata kerja tunggal dan kata adjektif pancaindera dengan betul mengikut konteks;</li> <li>iii. memahami dan menggunakan kata hubung dan kata tanya dengan betul mengikut konteks;</li> <li>iv. memahami dan menggunakan imbuhan awalan, imbuhan akhiran dan imbuhan apitan dengan betul mengikut konteks;</li> <li>v. memahami dan membina ayat dasar dengan betul mengikut konteks;</li> <li>vi. memahami dan membina ayat penyata menggunakan tanda baca yang betul mengikut konteks; dan</li> <li>vii. memahami dan menggunakan kata ganda penuh yang betul mengikut konteks.</li> </ul> | <p>Objektif Aspek Tatabahasa adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. memahami dan menggunakan kata nama am dan kata nama khas hidup yang merujuk bukan manusia dan penjodoh bilangan dengan betul mengikut konteks;</li> <li>ii. memahami dan menggunakan kata ganti nama diri sebagai kata sapaan dengan betul mengikut konteks;</li> <li>iii. memahami dan menggunakan kata kerja aktif transitif dan tak transitif, pelbagai jenis kata adjektif, kata hubung gabungan, kata sendi nama dan kata seru dengan betul mengikut konteks;</li> <li>iv. memahami dan menggunakan kata terbitan awalan beR-, meN-, peN-, teR- dan di- dengan betul mengikut situasi;</li> <li>v. memahami dan menggunakan kata ganda penuh sebagai penanda nama haiwan, makna kesamaan atau keserupaan, dan kata majmuk rangkai kata bebas dengan betul dalam pelbagai konteks;</li> <li>vi. memahami dan membina ayat tunggal susunan biasa dan ayat majmuk dengan betul dalam pelbagai situasi; dan</li> <li>vii. memahami dan membina ayat penyata, ayat tanya dengan kata tanya dan ayat</li> </ul> |

|  |  |  |
|--|--|--|
|  |  | tanya tanpa kata tanya, ayat seru dan ayat perintah dengan betul dalam pelbagai situasi. |
|--|--|--|

**STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN ASPEK TATABAHASA**

| STANDARD KANDUNGAN  | STANDARD PEMBELAJARAN  |  |   |
|---|--|--|---|
|   | TAHAP 1  |  |   |
| Kandungan Aspek Tatabahasa  | TAHUN 1  | TAHUN 2  | TAHUN 3   |
| 5.1 Memahami dan menggunakan golongan kata dengan betul mengikut konteks. | 5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am yang mudah dengan betul mengikut konteks.                      | 5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am hidup manusia dengan betul mengikut konteks.   | 5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am hidup yang merujuk bukan manusia dan penjodoh bilangan dengan betul mengikut konteks. |
|   | 5.1.2 Memahami dan menggunakan kata nama khas yang mudah dengan betul mengikut konteks.                    | 5.1.2 Memahami dan menggunakan kata nama khas hidup manusia dengan betul mengikut konteks. | 5.1.2 Memahami dan menggunakan kata nama khas hidup yang merujuk bukan manusia dengan betul mengikut konteks.                     |
|   | 5.1.3 Memahami dan menggunakan kata ganti nama diri pertama dan kedua dalam pelbagai konteks dengan betul. | 5.1.3 Memahami dan menggunakan kata ganti nama diri ketiga dengan betul mengikut konteks.  | 5.1.3 Memahami dan menggunakan kata ganti nama diri sebagai kata sapaan dengan betul mengikut konteks.                            |
|   | 5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja dengan betul mengikut konteks.                                   | 5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja tunggal dengan betul mengikut konteks.           | 5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja aktif transitif dan tak transitif dengan betul mengikut konteks.                        |
|   | 5.1.5 Memahami dan menggunakan kata adjektif warna dengan betul mengikut konteks.                          | 5.1.5 Memahami dan menggunakan kata adjektif pancaindera dengan betul mengikut konteks.    | 5.1.5 Memahami dan menggunakan pelbagai jenis kata adjektif dengan betul mengikut konteks.  |

| STANDARD KANDUNGAN  | STANDARD PEMBELAJARAN  |  |  |
|---|--|--|--|
|   | TAHAP 1  |  |  |
| Kandungan Aspek Tatabahasa  | TAHUN 1  | TAHUN 2  | TAHUN 3  |
|   | <p>5.1.6 Memahami dan menggunakan kata hubung yang mudah dengan betul mengikut konteks.</p> <p>5.1.7 Memahami dan menggunakan kata tanya merujuk manusia dan benda dengan betul.</p> | <p>5.1.6 Memahami dan menggunakan kata hubung dengan betul mengikut konteks.</p> <p>5.1.7 Memahami dan menggunakan kata tanya dengan betul mengikut konteks.</p> | <p>5.1.6 Memahami dan menggunakan kata hubung gabungan dengan betul mengikut konteks.</p> <p>5.1.7 Memahami dan menggunakan kata sendi nama dan kata seru dengan betul mengikut konteks.</p> |
| 5.2 <b>Memahami dan menggunakan pembentukan kata yang sesuai dalam pelbagai situasi dengan betul.</b> | <p>5.2.1 Memahami dan menggunakan imbuhan awalan dan imbuhan akhiran dengan betul dalam pelbagai konteks.</p>  | <p>5.2.1 Memahami dan menggunakan imbuhan awalan, imbuhan akhiran dan imbuhan apitan dengan betul dalam pelbagai konteks.</p>                                    | <p>5.2.1 Memahami dan menggunakan Kata Terbitan Awalan beR , meN, PeN, teR dan di... dengan betul dalam pelbagai situasi.</p>  |
|   |  | <p>5.2.2 Memahami dan menggunakan kata ganda penuh dengan betul dalam pelbagai konteks.</p>  | <p>5.2.2 Memahami dan menggunakan kata ganda penuh sebagai penanda nama haiwan, makna kesamaan atau keserupaan dengan betul dalam pelbagai situasi.</p>                                      |
|   |  |  | <p>5.2.3 Memahami dan menggunakan kata majmuk rangkai kata bebas dengan betul dalam pelbagai situasi.</p>  |
| 5.3 <b>Memahami dan membina ayat yang betul dalam</b>   | 5.3.1 Memahami dan membina ayat dasar menggunakan  | 5.3.1 Memahami dan membina ayat dasar menggunakan  | 5.3.1 Memahami dan membina ayat tunggal susunan biasa  |

| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>         | <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>                                   |  |  |
|-----------------------------------|--|--|--|
|                                   | <b>TAHAP 1</b>   |  |  |
| <b>Kandungan Aspek Tatabahasa</b> | <b>TAHUN 1</b>   | <b>TAHUN 2</b>   | <b>TAHUN 3</b>   |
| <b>pelbagai situasi.</b>          | pola ayat FN + FN, FN +FK dengan betul dalam pelbagai situasi. | pola ayat FN + FN, FN + FK, FN + FA, FN + FS dengan betul dalam pelbagai konteks.                        | dan ayat majmuk dengan betul dalam pelbagai situasi.   |
|                                   |  | 5.3.2 Memahami dan membina ayat penyata dengan menggunakan tanda baca yang betul dalam pelbagai konteks. | 5.3.2 Memahami dan membina ayat penyata, ayat tanya dengan kata tanya dan tanpa kata tanya, ayat seru dan ayat perintah dengan betul dalam pelbagai situasi. |

## GLOSARI TAHAP SATU

| Perkataan            | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard  |
|----------------------|--|
| <b>ayat songsang</b> | susunan ayat yang berlawan daripada pola biasa yang mana predikat mendahului subjek. ( <i>Rujuk tata bahasa dewan muka surat 436 – 437</i> )         |
| <b>aspek (aspék)</b> | segi, sudut, bahagian untuk diberikan perhatian dan sebagainya.  |
| <b>bahan grafik</b>  | bahan yang memuatkan maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyampaikan idea |
| <b>berbicara</b>     | bercakap untuk mengemukakan pendapat   |
| <b>berbual-bual</b>  | berborak atau beromong   |
| <b>bertatususila</b> | adat sopan santun dan budi pekerti yang baik   |
| <b>bertutur</b>      | bercakap atau berkata-kata   |
| <b>diftong (lin)</b> | gabungan dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah seperti <i>ai</i> , <i>au</i> dan <i>oi</i> .            |
| <b>digraf</b>        | dua huruf berturut-turut yang mewakili satu bunyi seperti <i>ng</i> , <i>ny</i> , <i>sy</i>  |

| Perkataan         | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard   |
|-------------------|---|
| <b>deskriptif</b> | keterangan yang bertujuan memberi gambaran  |
| <b>diksi</b>      | pemilihan dan penggunaan kata yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea secara lisan dan bertulis                        |
| <b>ekstensif</b>  | (ékssténsif) luas liputannya.   |
| <b>frasa</b>      | kumpulan kata yang membentuk unit-unit sintaksis sesuatu klausa   |
| <b>grafik</b>     | maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyampaikan idea |
| <b>gramatis</b>   | berasaskan atau mengikut prinsip-prinsip nahu atau tatabahasa   |
| <b>gerak laku</b> | tingkah laku atau gerak geri, perbuatan atau kelakuan   |
| <b>imaginatif</b> | tercipta daripada daya khayalan dan imaginasi atau daya kreatif berdasarkan khayalan  |
| <b>idea</b>       | buah fikiran, gagasan   |
| <b>idea utama</b> | buah fikiran yang penting menerangkan maksud keseluruhan perenggan  |

| Perkataan                        | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard   |
|----------------------------------|---|
| <b>idea sampingan</b>            | idea dalam bentuk huraihan dan contoh bagi menyokong dan menerangkan idea utama   |
| <b>jeda atau berjeda</b>         | berhenti sebentar   |
| <b>karangan terkawal</b>         | karangan terkawal ialah segala isi dan bahasanya sedia terkawal oleh guru ( <i>menurut Salleh Akib, 1975:135</i> ) atau susunan dikawal ketat dan sedikit-sedikit dipimpin ke arah karangan bebas |
| <b>karangan berpandu</b>         | karangan berpandu ialah satu penulisan karangan berdasarkan panduan guru atau murid bebas mengeluarkan idea dengan panduan atau batasan yang diberi   |
| <b>klasifikasi</b>               | penyusunan mengikut kelas atau susunan sistematik ke dalam kumpulan menurut kriteria yang ditetapkan  |
| <b>konsep</b>                    | pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu  |
| <b>kreatif</b>                   | mempunyai kebolehan mengembangkan sesuatu idea  |
| <b>kritis</b>                    | tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu)   |
| <b>tulisan mekanis (mékanis)</b> | melakukan sesuatu tanpa perlu berfikir dan hanya meniru dan menyalin sahaja   |

| Perkataan          | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard   |
|--------------------|---|
| <b>melakar</b>     | melukis rangka secara kasar   |
| <b>mengajuk</b>    | meniru  |
| <b>mengecam</b>    | kenal atau ingat sesuatu yang dilihat dan didengar  |
| <b>mengedit</b>    | menyunting atau menandai kesalahan pada perkataan, frasa atau ayat  |
| <b>memurnikan</b>  | membersihkan atau menulis semula perkataan, frasa atau ayat yang betul hasil daripada pengeditan  |
| <b>mengimlak</b>   | menyebut atau membaca supaya ditulis oleh orang lain  |
| <b>mengujarkan</b> | mengucapkan, menuturkan atau menyebutkan  |
| <b>multimedia</b>  | pelbagai media seperti media cetak dan media elektronik atau bahan elektronik yang mengandungi pelbagai media seperti animasi, data, suara, gerakan dan sebagainya yang bersifat interaktif |
| <b>modul</b>       | unit atau bahagian tersendiri yang lengkap dengan komponennya yang melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dirangkaikan dengan unit-unit lain dalam sesuatu yang lebih besar                 |

| Perkataan                 | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard  |
|---------------------------|--|
| <b>naratif</b>            | cerita peristiwa atau pengalaman   |
| <b>pandangan</b>          | anggapan, pendapat, tanggapan, fikiran pada sesuatu yang dilihat, dibaca dan didengar  |
| <b>pendapat</b>           | kesimpulan yang dibuat atau diperolehi daripada berfikir pada sesuatu yang dilihat, dibaca dan didengar  |
| <b>pendekatan modular</b> | pendekatan yang mana kurikulum distrukturkan kepada struktur yang lebih kecil yang dinamakan sebagai modul                                     |
| <b>pertautan idea</b>     | pertalian atau perhubungan idea antara dua ayat atau dua perenggan   |
| <b>perasaan</b>           | perihal merasa(i) dalam hati atau batin, hasil atau perbuatan merasa dalam hati atau batin, sentimen suka, minat, ingin tahu                   |
| <b>prinsip</b>            | asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian, tindakan, atau hukum sesuatu teori dan lain-lain                                 |
| <b>pola ayat</b>          | contoh atau model ayat yang dibina atau rangka dasar ayat. Terdapat 4 pola ayat dasar. ( <i>Rujuk tata bahasa dewan muka surat 418 – 419</i> ) |
| <b>respons</b>            | reaksi   |
| <b>soalan bercapah</b>    | soalan yang berpecah daripada sesuatu tumpuan  |

| Perkataan              | Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard  |
|------------------------|--|
| <b>soalan bertumpu</b> | soalan yang memerlukan jawapan yang bersifat objektif dan dinyatakan dalam teks  |
| <b>menaakul</b>        | hal membuat pertimbangan dan penilaian dengan menggunakan akal atau tinjauan akal atau membuat pertimbangan dengan logik |
| <b>transformasi</b>    | perubahan bentuk atau sifat, rupa, keadaan dan lain-lain   |



Terbitan:



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
Aras 4-8, Blok E9  
Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
Tel: 03-8884 2000 Faks: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>